

## Pengurusan Kecairan di Perbankan Islam di Malaysia

Nur Amalina binti Saidan  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mail: [nuramalinasaidan@yahoo.com](mailto:nuramalinasaidan@yahoo.com)

Abdul Ghafar bin Ismail  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-meil: [agibab@ukm.my](mailto:agibab@ukm.my)

### ABSTRAK

Kecairan merupakan sumber yang amat penting dalam sistem perbankan Islam dimana sumber utama bank memperoleh dana kecairan adalah deposit daripada pelanggan. Oleh itu tidak boleh tidak bank perlu menguruskan dana ini secekapnya agar tidak berlaku kelompangan yang akan memberi kesan langsung kepada bank, seperti masalah insolvensi dan sebagainya. Hipotesis awal penulis dalam kajian ini menyatakan semakin banyak bank memegang dana kecairan semakin kurang pendapatan yang akan mereka perolehi. Akan tetapi semakin kurang dana kecairan yang mereka pegang, dimana dana tersebut digunakan untuk menjana pendapatan dan keuntungan seperti membeli bon-bon jangka panjang, memberi pinjaman kepada pelanggan jangka panjang kepada pelanggan, semakin tinggi pendapatan dan keuntungan yang boleh dijana oleh bank. Akan tetapi, dilema yang bank alami, adalah masalah ketidakcairan, oleh itu bank akan hadapi risiko insolvensi iaitu risiko ketidakmampuan membayar deposit pelanggan apabila deposit ini diminta oleh mereka. Kesan masalah insolvensi ini akan menyebabkan sesebuah bank itu muflis dan memberi kesan langsung kepada ekonomi negara. Didalam kajian ini penulis menggunakan metodologi kajian perpustakaan dan penulis menganalisis laporan kewangan 17 buah perbankan Islam yang terdapat di Malaysia dengan cara meregres data untuk melihat bagaimana perbankan Islam menguruskan dana kecairan mereka. Hasil kajian mendapati perbankan Islam secara majoritinya lebih tertarik kepada produk-produk berjangka panjang kerana ia lebih memberi keuntungan kepada bank. Akan tetapi, bagaimana mereka menguruskan dana tersebut agar mereka tidak mengalami masalah insolvensi dan bank akan meningkatkan keuntungan adalah dengan melihat karakter pendeposit bank, menilai struktur komposisi aset yang mereka ada agar apabila berlaku kitaran ekonomi, mereka mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menghadapi segala kemungkinan, seperti kemungkiran pelanggan membayar hutang, deposit run dan sebagainya. Selain itu, untuk mengurangkan masalah risiko insolvensi ini, bank perlu mencari maklumat yang jelas mengenai keadaan semasa pasaran sebelum membuat pelaburan jangka panjang.

Kata kunci:kecairan bank, insolvensi, perbankan Islam  
Klasifikasi JEL: G19

### ABSTRACT

*Liquidity is a very important in Islamic banking system in which the major sources of bank liquidity funds are deposits from customers. Thus the bank must managed there fund efficiently so as to avoid puzzle that will impact directly on the bank, such as the problem of insolvency and so on. Initial hypothesis the authors in this study expressed more liquidity that you have, less income that you earned. But the less liquidity funds they hold, where the funds are used to generate income and profit as buying long-term bonds, giving long-term loans to customers , higher revenues and profits generated by the bank. However, the bank dilemma, is the problem assets illiquid by the banks would face insolvency risk. Impact of this problem will direct impact on the economy. In this study the writer uses library research methodology and the authors analyze the financial statement of 17 Islamic banking in Malaysia to see how Islamic banking to manage their liquidity funds. The study found that a majority of Islamic banking are more attracted long term product compared to short term product because they can get more profit.. However, they must looking at the character of bank depositors,*

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)  
"Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"  
Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

*evaluate the structure of the composition of their assets, provisions to face all possibilities, such as customers defaults, the deposit run and so on. In addition, to reduce the risk of insolvency, the bank must find clear information about the current market situation before making a long term investment.*

*Keywords: liquidity, insolvency, islamic banks*

*JEL Classification: G19*

## **PENGENALAN**

Institusi perbankan Islam merupakan salah satu institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan berteraskan Islam di mana setiap organisasi memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan prestasi bank. Ini kerana perbankan Islam merupakan salah sebuah institusi yang penting pada masa kini bagi membolehkan orang ramai terutamanya orang Islam mendapatkan kemudahan kewangan secara halal dan sah disisi syara'. Selain melihat kepada prestasi perbankan Islam, kestabilannya juga perlu diambil kira bagi memastikan bank terus kukuh dalam menjalankan aktiviti perniagaannya. Oleh yang demikian, pengurusan kecairan amat penting untuk diuruskan secara cekap agar perbankan Islam dapat bersaing dengan perbankan konvensional dan mendapat keyakinan orang ramai.

Kecairan adalah ciri terpenting sesebuah bank dimana ia perlu diuruskan dengan secepatnya untuk mengelakkan terjadinya risiko kecairan dan risiko-risiko lain yang akan menjejaskan pengurusan dan prestasi bank. Kecairan terbahagi kepada dua, iaitu kecairan bank untuk pendeposit dan kecairan untuk peminjam. Kecairan untuk pendeposit bermaksud pihak bank perlu mempunyai kecairan yang mencukupi agar dapat memenuhi permintaan pendeposit untuk mengeluarkan wang mereka pada bila-bila masa yang mereka kehendaki. Manakala kecairan untuk peminjam pula ialah merujuk kepada kecairan yang diperlukan untuk memenuhi permintaan pinjaman oleh pelanggan bank.

Sebagai institusi kewangan, bank-bank perlu menguruskan permintaan dan bekalan dana kecairan mereka secepatnya agar tidak terjadi situasi ketidakpadanan di bahagian aset dan liabiliti yang mana ianya akan menjejaskan prestasi bank. Masalah ketidakpadanan ini akan menyebabkan masalah insolvensi dimana bank tidak mampu memenuhi permintaan pendeposit untuk mengeluarkan wang mereka pada sesuatu masa. Ini adalah kerana bekalan dana kecairan yang diperolehi bank daripada pelanggan berjangka pendek dan pinjaman yang bank berikan kepada pelanggan berjangka panjang. Masalah insolvensi ini akan membawa kesan buruk kepada bank dimana bank boleh dikategorikan sebagai muflis. Masalah ini juga akan memberi kesan buruk kepada ekonomi sesebuah negara. Selain itu, pengurusan kecairan yang cekap juga adalah untuk mengekalkan hubungan baik bank dengan pihak-pihak berkepentingan seperti pendeposit, peminjam dari sektor korporat dan sebagainya serta ianya juga dapat mengelakkan bank dari mengalami masalah kecairan.

Samaada perbankan Islam mahupun konvensional, matlamat utamanya adalah keuntungan. Dimana dana kecairan yang bank perolehi, mereka akan menggunakannya semaksima mungkin untuk memperoleh keuntungan daripada dana tersebut. Antaranya dengan memberikan pinjaman berjangka panjang kepada pelanggan mereka, membeli bon dan saham berjangka panjang, yang lebih menguntungkan berbanding jangka pendek. Tetapi risiko untuk kemungkiran pelanggan membayar pinjaman juga tinggi kerana ia mempunyai hubungan lansung dengan kitaran ekonomi, dimana apabila kitaran ekonomi berlaku, jumlah peminjam yang akan mungkir meningkat, dan pada waktu itu pendeposit akan mengeluarkan deposit mereka untuk menampung kehidupan mereka ketika kitaran ekonomi berlaku.

Oleh yang demikian, bank akan menghadapi risiko yang besar untuk mencairkan aset berjangka panjang kerana aset ini perlu dijual dipasaran kedua yang memerlukan masa untuk bank memperoleh tunai. Ini akan menyebabkan masalah insolvensi dan akan memberikan kesan buruk kepada bank seterusnya kepada ekonomi sesebuah negara. Malahan, mengekalkan pengurusan dana kecairan yang mantap adalah sangat mencabar dan sukar dalam sistem ekonomi semasa yang kompetitif dan terbuka. Di Malaysia, terdapat mekanisma yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia bagi mengatasi masalah mencairkan aset berjangka panjang antaranya Bursa Suq Al-Sila yang diperkenalkan pada tahun 2009 dan instrument-instrumen lain.

Secara umumnya kajian dilakukan untuk melihat bagaimana institusi perbankan Islam menguruskan dana kecairan mereka agar tidak terjadi masalah ketidakpadanan di bahagian aset dan liabiliti bank yang akan menyebabkan masalah insolvensi. Pada waktu yang sama, bank boleh meningkatkan pendapatan mereka dengan dana kecairan yang mereka perolehi. Kajian ini juga mempunyai objektif yang khusus iaitu:

- i. Mengenalpasti hubungan antara pengurusan kecairan bank dan insolvensi
- ii. Mengenalpasti kecekapan pengurusan bank menguruskan dana kecairan mereka
- iii. Mencari beberapa bukti yang membantu mempercepatkan pengurusan kecairan perbankan Islam

Kajian ini meliputi lima bahagian di mana bahagian kedua akan membincangkan kajian lepas, diikuti metodologi kajian dibahagian ketiga. Bahagian keempat menerangkan dapatan kajian daripada analisis yang dibuat dan yang terakhir adalah kesimpulan kajian termasuk implikasi dasar yang diperolehi.

## KAJIAN LEPAS

Kecairan adalah ciri terpenting sesebuah bank, dan antara sumber utama kecairan adalah deposit daripada pelanggan. Pelanggan meletakkan deposit mereka di dalam bank dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengeluarkan semula wang mereka pada bila-bila masa. Bank mengalami dilema kerana deposit pelanggan berjangka pendek manakala pinjaman yang bank berikan kepada peminjam berjangka panjang. Jika ia tidak diuruskan dengan secekapnya bank akan mengalami masalah insolvensi iaitu ketidakmampuan untuk memenuhi permintaan pengeluaran pendeposit.

Oleh kerana pentingnya aspek kecairan kepada bank, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai pengurusan kecairan dan sebahagiannya pula membincangkan mengenai keterkaitan pengurusan kecairan dengan isu kelompangan pengurusan kecairan. Kali pertama, kewujudan pengurusan kecairan di perbankan Islam telah dikenalpasti oleh Ismail (2010). Beliau menganalisis kewujudan pengurusan kecairan di perbankan Islam di Indonesia. Tujuan kajian beliau ialah untuk mengkaji dari sudut pengurusan kecairan yang mana ia menyentuh keseluruhan aspek dan isu untuk membawa industri ke arah yang lebih baik dalam menangani risiko kecairan berlandaskan prinsip Syariah. Pada awal kajian pengkaji menilai struktur organisasi bank Islam, seperti saiz bank, sifat bank dalam memberi pinjaman samaada berjangka pendek atau panjang dan karakter pelanggan bank. Ciri-ciri ini penting untuk bank dalam menguruskan kecairan mereka. Kedua, pengkaji mengkaji karakter yang wujud dalam pendeposit iaitu selaku pelanggan utama yang menyumbang kecairan kepada perbankan, kelakuan pelaburan mereka dan jangkaan dasar dalaman yang dilaksanakan oleh bank. Seterusnya pengkaji mengenalpasti potensi masalah kecairan yang wujud dalam instrumen produk perbankan Islam dan akhirnya, ia memperkenalkan cara yang komprehensif bagi menangani kecairan. Hasil kajian mencadangkan masalah kecairan bergantung kepada institusi dalam menangani pengurusan kecairan, dan juga menggunakan produk Islam sepenuhnya.

Pelanggan meletakkan deposit mereka di dalam bank dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengeluarkan semula wang mereka. Kemampuan pengurusan kecairan sesebuah bank mencerminkan kekukuhan sesebuah institusi perbankan, disebabkan itu kejatuhan dalam pengurusan kecairan sesebuah institusi perbankan mungkin menjatuhkan keseluruhan kestabilan kewangan negara. Oleh itu, Muhamad Farhan Akhtar et.al (2011) membincangkan peranan bank adalah pelbagai antaranya sebagai pengantara kewangan, pembimbing, dan penyokong. Bank meletakkan diri mereka sebagai badan yang dipercayai pendeposit, rakan perniagaan dan juga pelabur. Risiko kecairan mungkin timbul dari pelbagai operasi, sepertimana mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan ia boleh didapati kecairannya apabila diperlukan oleh pihak ketiga. Usaha yang lebih diperlukan oleh bank Islam untuk mengawasi risiko kecairan merujuk kepada instrumen yang unik bagi menepati prinsip-prinsip syariah.

Selain isu pengurusan kecairan bank, isu kelompangan pengurusan kecairan juga merupakan isu utama yang perlu diberi perhatian. Ini adalah kerana, apabila terjadi ketidakseimbangan pengurusan kecairan, ia akan memberi kesan kepada pasaran seterusnya kepada ekonomi negara. Dimana, dilema pihak pengurusan bank adalah samaada mereka perlu memegang lebih banyak kecairan iaitu hanya dengan memberi pinjaman jangka pendek dan mengurangkan perolehan keuntungan bank, ataupun memegang sedikit kecairan dimana segala kecairan yang mereka perolehi, di laburkan atau diberi pinjaman jangka panjang kepada pelanggan. Perolehannya mereka akan dapat meningkatkan keuntungan bank. Akan tetapi keadaan melaburkan dan memberi pinjaman jangka panjang adalah merupakan fenomena berlaku ketidakcairan. Apabila masalah ekonomi berlaku, keadaan akan menjadi insolvensi dan pasaran akan menjadi tidak stabil dan akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

Seperti mana kajian yang dilakukan oleh Lat Renovaski (2013), pengkaji menyatakan, sifat kebiasaan bank adalah mereka akan membuat pinjaman jangka pendek dan akan melaburkannya didalam pelaburan berjangka panjang. Ini bermakna, bank-bank lebih menggemari tidak memegang

kecairan, tetapi melaburkannya atau memberi pinjaman kepada pelanggan. Ini adalah kerana keadaan ini lebih banyak menghasilkan keuntungan kepada mereka. Akan tetapi keadaan ini risikonya adalah tinggi, dimana apabila terjadi masalah kesolvenan, bank mungkin tidak dapat membiayai semula liabiliti jangka pendek mereka. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan, untuk menguruskan masalah ini, bank seharusnya memantapkan pengumpulan penampunan kecairan mereka serta meningkatkan inisiatif mereka untuk menghadapi masalah kesolvenan. Disamping itu, bank juga haruslah tulus dalam membicarakan masalah kesolvenan, seperti memberi maklumat yang jelas akan sesuatu pelaburan, pasaran dan sebagainya.

Bank menghadapi risiko kecairan disebabkan oleh ketidak padanan aset dan liabiliti. Oleh itu, apabila bank menghadapi pelbagai risiko menyebabkan ketidakstabilan bank. Namun Wolf Wagner (2007 a) menyatakan peningkatan kecairan aset bank, bercanggah dengan peningkatan ketidakstabilan perbankan dan faktor luaran yang dikaitkan dengan kegagalan perbankan. Hal ini kerana walaupun kecairan aset adalah lebih tinggi maka secara langsung memberi manfaat kepada kestabilan dengan menggalakkan bank untuk mengurangkan risiko ke atas imbalan pembayaran dan menyediakan kecairan aset ketika krisis bagi mengurangkan kos bank. Hasilnya bank-bank akan mengambil inisiatif untuk mengambil jumlah risiko yang lebih dari mengimbangi kearah ketidakstabilan.

Di dalam kajian lain, Wolf Wagner (2007b) mengkaji berkenaan kerapuhan perbankan yang didorong oleh kekurangan dan ketidakcekapan dalam pengurusan kecairan agregat yang menyebabkan kelompangan dalam pengurusan kecairan. Ketidakcekapan disebabkan oleh kegagalan operasi pasaran wang antara bank bagi menyediakan kecairan yang ada dalam tempoh jangka pendek. Didapati bahawa pemberian pinjaman yang biasanya dilakukan dalam waktu terakhir adalah tidak berkesan dalam memulihkan kecekapan kerana ia membawa perubahan kepada keseimbangan bank dalam membekalkan kecairan. Untuk memulihkan masalah bank yang kekurangan kecairan, subsidi terhadap pembelian aset dari bank-bank yang bermasalah akan meningkatkan kestabilan dengan meningkatkan pegangan kecairan bank tersebut. Bagaimanapun, hal ini dapat dicapai melalui pengagihan semula kecairan yang ada dari bank-bank yang stabil dan kukuh kepada bank-bank yang mempunyai masalah atau krisis.

Pengurusan kecairan juga timbul akibat isu ketidakpadanan tempoh matang aset dan liabiliti. Isu ini telah dikenalpasti oleh oleh Muhamad Lukman Samsudin (2012). Pengkaji menyatakan pengurusan bank kebiasaanya akan memaksimumkan pulangan bank atas jumlah aset mereka, dimana mereka akan melaburkan seberapa banyak tunai yang mereka ada. Walaubagaimanapun, pengurusan bank yang cekap perlu supaya bank mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi mana-mana ketidakseimbangan dalam tempoh matang aset dan liabiliti. Ini adalah kerana, risiko kecairan di bank-bank kebiasaanya adalah disebabkan oleh ketidakpadanan dalam pengurusan kecairan. Walaubagaimanapun, kekurangan dana kecairan mereka adalah disebabkan dari pelaburan jangka panjang. Dalam Landskap kewangan islam semasa, instrumen pengurusan kecairan yang perlu memenuhi piawai syariah adalah berkurangan. Akan tetapi, pada masa kini terdapatnya mekanisma yang diperkenalkan oleh Bank Negara dan Bursa Malaysia bagi mengatasi masalah kecairan antaranya Bursa Suq Al-Sila pada 2009 dan juga instrumen-instrumen lain yang telah diperkenalkan.

Kebimbangan terhadap pengurusan kecairan yang cekap adalah relevan kepada perbankan Islam yang memegang aset yang tidak cair manakala liabiliti adalah cair, serta memegang aset yang tidak menentu dalam nilai semasa yang menjamin nilai liabiliti. Oleh itu, semenjak perbankan Islam mengikut struktur yang sama dalam pengurusan kecairannya dan ciri-ciri kunci kira-kira bank perdagangan, mereka tidak terlepas daripada risiko kecairan. Potensi ketidakpadanan antara deposit, aset dan pembiayaan pelaburan akan mendedahkan perbankan Islam untuk menghadapi masalah kecairan. Sebaliknya, jika bank mengekalkan kecairan yang terlalu banyak, hanya untuk mengelakkan daripada masalah kecairan maka ia boleh mempengaruhi keuntungan sesebuah bank. Sehubungan itu, isu ini telah dikaji oleh Tobin (1987). Pengkaji menyatakan bahawa sesuatu aset yang mempunyai kecairan yang sempurna adalah ditakrifkan sebagai sesuatu aset yang mempunyai nilai yang penuh pada masa ini dan ia boleh direalisasikan dalam jangka masa pendek iaitu bertukar menjadi kuasa membeli kepada barangan dan perkhidmatan dengan serta-merta. Oleh itu mewujudkan keseimbangan antara kedua-dua objektif keselamatan bagi liabiliti dan aset dalam perbankan Islam dimana, keuntungan adalah objektif dalam pengurusan kecairan bank.

Daud Vicary Abdullah (2010) juga dalam kajiannya telah membincangkan berkenaan pandangan global terhadap pengurusan kecairan oleh institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa masih banyak kelompangan yang perlu di perbaiki terutamanya dalam instrumen yang digunakan bagi mengatasi masalah kecairan yang berasaskan Syariah, khususnya infrastruktur dan pasaran yang merentasi kecairan, kecukupan

instrumen kecairan jangka pendek yang sedia ada, dokumentasi asas yang kukuh, produk, perakaunan dan proses, serta mengawasi kecairan bersepadu dan penyeliaan. Ini adalah proses untuk menambah baikkan pengurusan kecairan bagi perbankan Islam disamping itu mereka dapat meningkatkan keuntungan bank.

Kesimpulannya, bank-bank lebih berminat melaburkan sebahagian besar dana kecairan mereka samaada memberi pinjaman berjangka panjang atau melaburkannya dipasaran. Ini adalah sifat semula jadi bank kerana sesebuah institusi perbankan Islam mahupun konvensional bermatlamat mamaksimumkan keuntungan mereka. Perbezaannya hanyalah pada proses yang digunakan. Akan tetapi jika bank melaburkan kecairan mereka untuk tempoh jangka masa panjang, bank terpaksa menanggung risiko insolvensi yang tinggi. Bank akan mengalami dilemma samaada merendahkan risiko mereka dengan melabur dalam produk berjangka pendek serta mengurangkan keuntungan mereka atau mamaksimumkan keuntungan dengan melabur dalam produk jangka panjang dan meningkatkan risiko ketidakcairan dan insolvensi yang bank perlu tanggung iaitu masalah insolvensi .

Sebelum Bank Negara Malaysia dan Bursa Saham Malaysia menubuhkan Bursa Suq al-Sila, apabila terjadi masalah ketidakcairan aset bank, pengurusan bank akan menanggung kos perbelanjaan yang tinggi kerana mereka perlu meminjam dipasaran repo yang mempunyai kadar semalaman yang tinggi. Akan tetapi, kini bank boleh menguruskan dana kecairan mereka lebih baik dengan menggunakan instrumen kewangan Islam Bursa Suq al-Sila apabila terjadi masalah ketidakcairan mahupun insolvensi. Disamping itu, mereka dapat meningkatkan keuntungan mereka.

## METADOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan perkara asas dan tunjang dalam pencapaian suatu objektif kajian. Lazimnya mana-mana pengkaji akan terlebih dahulu membuat tinjauan terhadap kajian-kajian berkaitan bagi menentukan metod bersesuaian bagi diadaptasi dalam kajian yang bakal dilakukan. Didalam kajian ini, penulis menggunakan metod

### Penganggaran Model Regresi *Panel Data*

Proses penganalisan data dalam kajian ini adalah berdasarkan data panel yang kini popular dalam bidang ekonomi dan kewangan. Data ini bersifat agregasi yang memiliki elemen siri masa (*timeseries*) dan keratan rentas (*cross-sectional*) yang melibatkan observasi ke atas unit-unit ekonomi secara individu (firma, isi rumah, kawasan geografi dan sebagainya) yang merentasi suatu tempoh masa tanpa sebarang dimensi '*longitud*'. Kadangkala ia dianggap sebagai "data keratan rentas dari masa ke masa", ataupun "data keratan rentas siri masa *pool*".

Dari segi ekonometrik, huraian mengenai data panel dapat digambarkan dengan persamaan berikut:

$$y_{it} = \alpha + \beta x_{it} + \mu_{it}$$

Di mana  $y_{it}$  adalah pemboleh ubah bersandar,  $\alpha$  adalah pintasan (*intercept term*),  $\beta$  adalah vektor parameter  $k \times 1$  yang perlu dianggarkan ke atas pemboleh ubah, dan  $x_{it}$  adalah vektor observasi  $1 \times k$  ke atas pemboleh ubah bebas,  $t=1 \dots T$ ;  $i=1, \dots N$ .

Kaedah paling mudah untuk mengendalikan data sedemikian adalah dengan membuat penganggaran '*pool*' yang melibatkan penganggaran persamaan tunggal ke atas semua data secara bersama, supaya set data bagi  $y$  disusun dalam satu lajur tunggal yang mengandungi semua cerapan keratan rentas dan siri masa. Begitu juga dengan semua cerapan ke atas pemboleh ubah bebas yang perlu disusun dalam lajur tunggal dalam matrix  $x$ . Kemudian persamaan ini akan dianggarkan menggunakan kaedah biasa iaitu kaedah kuasa dua terkecil (*ordinary least square, OLS*).

Walaupun diakui kaedah ini mudah dan hanya memerlukan penganggaran ke atas sedikit mungkin parameter, namun ia mempunyai beberapakterbatasan. Paling penting, pengumpulandata (*pooling the data*) melalui kaedah ini secaraimplisitmengandaikanbahawaniilai purata hubungan antaradata adalah malar (*constant*) dari semasa ke semasa dan merentasi semua unit keratan rentas dalamsampel.

Penganggaran regresi siri masa secara berasingan boleh juga dilakukan untuk setiap objek dan entiti, tapi kaedah inimungkin merupakan kaedah sub-optimum untuk diteruskan keranaia tidak mengambil kira struktur biasa semasa umumdalamsiri masa. Penganggaran regresi keratan rentas

secara berasingan bagi setiap tempoh masa juga boleh dilakukan, tetapi kaedah ini dilihat tidak bijak jika terdapat beberapa variasi umum dalam siri sepanjang tempoh masa. Jadi dalam hal ini data panel merupakan penyelesaian terbaik kepada masalah di atas dan mempunyai kelebihan penting dalam memanfaatkan sepenuhnya struktur yang sedia ada<sup>1</sup>.

## SPEKIFIKASI MODEL

Beberapa pemboleh ubah dan spesifikasi model daripada kajian-kajian terdahulu dijadikan rujukan bagi kajian ini. Dalam ekonomi, terdapat batasan dari segi pengumpulan dan pengukuran data. Oleh itu faktor-faktor yang tidak dimasukkan didalam model adalah terkandung dalam ralat rawak. Kajian ini menggunakan model yang di bentuk oleh Chung Hua Sen, Yi-Kai Chen, Lan Feng Kao, dan Chuan-Yi Yeh (2009) yang turut membincangkan teori dan spesifikasi model ekonometrik yang sama. Dimana mereka membincangkan mengenai pengurusan nisbah kecairan bank atau nisbah mudah tunai di bank-bank serta kesannya kepada bank tersebut. Dimana antara elemen yang mereka masukkan adalah risiko kecairan serta faktor dalaman dan luaran bank. Asas model yang dibina oleh mereka ialah:

$$L_{it} = c_i \sum_{b=1}^a \lambda_b \prod_{it}^b + \sum_{s=1}^s \delta_s \prod_{it}^s + \sum_{m=1}^M \gamma_m \prod_{it}^m + \varepsilon_{it}$$

Di mana L adalah kecairan bank, i pada masa t dengan  $i = 1 \dots N$ ,  $t = 1 \dots T$ . Manakala pemboleh ubah yang digunakan dalam kajiannya, adalah nisbah jarak kewangan dan juga nisbah pinjaman bersih kepada pelanggan dan nisbah pinjaman jangka pendek,

$\prod_{it}^b \prod_{it}^s \prod_{it}^m$  adalah ciri-ciri spesifik bank, penyeliaan dan pemboleh ubah makroekonomi yang diwakili  $b=1, \dots, B$ ,  $s=1, \dots, S$ ,  $m=1, \dots, M$ . Manakala  $j$  merujuk kepada negara dimana bank itu beroperasi.  $C$  pula adalah terma malar. Model diatas dikembangkan dan dilakukan pengubahsuaian. Berikut adalah kerangka model yang telah diubahsuai.

### Model: Kecairan berasaskan deposit dan pembiayaan

$$Tf_{it} = \beta_1 + \beta_2 dp_{it} + \beta_3 car_{it} + \beta_4 SIZE_{it} + \beta_5 ROA_{it} + \beta_6 GDP_{it} + \varepsilon_{it}$$

## PENERANGAN PEMBOLEH UBAH

- i. Pembiayaan ( $Tf_{it}$ ) memainkan peranan penting dalam keutuhan sesebuah bank. Dengan dana kecairan yang bank perolehi daripada pendosit mereka, bank dapat menjana keuntungan dengan meningkatkan jumlah pembiayaan mereka. Akan tetapi bank haruslah cekap dalam menguruskan dana kecairan tersebut agar tidak terjadi masalah insolvensi. Pada amnya, teori asas samaada bank memberikan pembiayaan jangka pendek atau panjang kepada pelanggannya adalah semakin tinggi risiko yang bank tanggung, semakin tinggi pulangan kepada bank. Tetapi untuk mengurangkan risiko tersebut, bank haruslah cekap menguruskan dana kecairan mereka.
- ii. ( $dp_{it}$ ) jumlah deposit per jumlah aset, merupakan nisbah kecairan perbankan Islam berasaskan deposit. Ia merujuk kepada kecairan yang diperlukan oleh institusi perbankan Islam dalam memenuhi permintaan deposit orang ramai
- iii. Nisbah kecukupan modal ( $car_{it}$ ) merupakan ukuran keteguhan sesebuah bank yang berdasarkan nisbah modal minimum yang telah ditetapkan
- iv. Jumlah aset bank iaitu ( $SIZE_{it}$ ) iaitu hasil tambah antara tunai, deposit, pelaburan untuk urusniaga dan pinjaman bank. ( $SIZE_{it}$ ) boleh berubah disebabkan dua faktor, pertamanya

perubahan dalam kawalan peraturan modal seperti peningkatan rizab di bank pusat. Disebabkan sub komponen dalam saiz adalah deposit tunai daripada orang ramai, maka kejatuhan dalam kadar bunga bank akan menyebabkan peralihan sumber dari bank kepada pembelian aset lain yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih baik.

- v. Keuntungan bank ( $ROA_{it}$ ) adalah ukuran keuntungan sebelum cukai dibahagikan dengan jumlah aset. Pemboleh ubah ini menunjukkan jumlah keuntungan bank terhadap jumlah aset.
- vi. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ( $GDP_{it}$ ) diambil sebagai ukuran pembangunan makroekonomi. Dalam konteks kajian ia merupakan petunjuk utama dalam permintaan perkhidmatan perbankan termasuk dari pinjaman dan bekalan mata wang. Pemboleh ubah ini menjadi petunjuk kepada kitaran ekonomi dimana kos bank mengadakan kecairan dijangka berhubungan dengan kitaran ekonomi.

## SAMPEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan sampel 17 buah bank Islam subsidiari, bank Islam penuh dan juga bank Islam asing yang ditakrifkan sebagai sebuah bank Islam oleh Bank Negara Malaysia untuk tempoh 1997 sehingga 2010. Manakala bagi data pemboleh ubah makroekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar data diperolehi daripada Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.

## ANALISIS EMPIRIKAL

Perbincangan bahagian ini, akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu analisis diskriptif pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan di dalam kajian. Bahagian kedua pula akan membincangkan mengenai analisis korelasi matrik dan bahagian terakhir adalah hasil penganggaran daripada model yang dibentuk di awal kajian.

### Analisis Diskriptif

Tujuan analisis ini dilakukan adalah untuk melihat ciri statistik bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam model kajian yang dibina. Antara ciri statistik yang menggambarkan sifat pemboleh ubah ialah min, median, sisihan piawai (*standard deviation*), kepencongan (*skewness*), kepuncakan (*kurtosis*) dan nilai Jarque Bera. Min merujuk nilai purata bagi setiap pemboleh ubah bagi keseluruhan sampel kajian, manakala median adalah untuk melihat nilai titik tengah bagi pemboleh ubah yang digunakan. Manakala, sisihan piawai (*standard deviation*) menunjukkan variasi atau serakan data dari nilai min. Merujuk kepada jadual 1, pemboleh ubah  $SIZE_{it}$  mempunyai nilai min yang terbesar manakala pulangan sebelum cukai per jumlah aset  $ROA_{it}$  mempunyai nilai min yang terkecil dan paling kurang berserakan dari segi taburan data. Bagi nilai kepencongan pula, dapat dilihat seperti didalam jadual 1, kesemua data pencong kekanan. Bagi nilai kepuncakan pula,  $ROA_{it}$  mencatatkan nilai yang paling tinggi diantara semua pemboleh ubah iaitu sebanyak 95.8189 manakala  $dp_{it}$  mencatatkan nilai yang terendah iaitu sebanyak 2.0053. seterusnya ujian Jarque Bera dilakukan adalah untuk melihat data bertaburan secara normal ataupun sebaliknya. Hasilnya mendapati semua pemboleh ubah yang digunakan signifikan pada aras keertian 0.01 peratus. Keputusan ini menggambarkan hampir keseluruhan data yang digunakan dalam kajian ini tidak bertaburan secara normal. Oleh itu kaedah penganggaran secara kuasa terkecil adalah tidak sesuai dengan data kajian.

### Korelasi Matrik

Analisis korelasi adalah kaedah mudah untuk mengesan hubungan kolineariti berbilang dalam data berdasarkan matriks korelasi pemboleh ubah. Ia mengukur darjah kekuatan diantara X dan Y. Nilai korelasi yang agak tinggi bagi dua pemboleh ubah bebas menunjukkan kemungkinan kewujudan masalah kolineariti berbilang. Jadual 2 menunjukkan hasil korelasi matriks antara pemboleh ubah bersandar (financing) dan pemboleh ubah bebas yang lain. Korelasi matrik menunjukkan kesemua pemboleh ubah berhubungan secara positif kecuali pemboleh ubah  $car_{it}$  yang berhubungan songsang

dengan kecairan. Manakal pemboleh ubah  $SIZE_{it}$  mempunyai nilai korelasi positif yang kuat dengan kecairan dimana menunjukkan semakin besar jumlah aset bank itu, semakin tinggi pihak bank menguruskan kecairan mereka dengan meningkatkan jumlah pembiayaan.

### Hasil Penganggaran Model

Analisis penganggaran dilakukan bagi data siri masa dan keratan rentas bagi model yang dibentuk. Penganalisaan data dalam bahagian ini adalah melibatkan ujian terhadap beberapa kaedah model iaitu model tanpa kesan (*no effects*), kesan tetap (*fixed effects*) dan juga kesan rawak (*random effects*). Hasil ketiga-tiga ujian ini dapat dilihat dalam jadual 5. Jadual 3 menunjukkan proses pemilihan kaedah model terbaik yang boleh digunakan untuk mendapatkan hasil kajian. Didalam jadual 3, ujian *redundant* dilakukan bagi menguji model tanpa kesan melawan model kesan tetap. Seperti mana dalam jadual, dapat dilihat nisbah F yang diperolehi adalah lebih besar daripada nilai kritikal. Maka dapat disimpulkan bahawa model tanpa kesan adalah tidak sesuai digunakan untuk kajian ini. Sebaliknya model kesan tetap adalah sesuai.

Kaedah yang sama juga digunakan untuk membandingkan model kesan tetap melawan model kesan rawak dengan menggunakan ujian Hausman (*Hausman test*). hipotesis noll bagi kajian ini adalah model kesan rawak lebih baik daripada kesan tetap dan sebaliknya bagi hipotesis alternatif. Nilai statistik chi-Square dalam model ini adalah signifikan pada aras keertian satu peratus. Maka dapat disimpulkan model kesan rawak adalah lebih baik daripada model kesan tetap dimana hipotesis noll diterima. Selain itu  $R^2$  bagi model ini adalah lebih tinggi berbanding dua model sebelumnya. Berdasarkan jadual 4, dapat dilihat kesemua pemboleh ubah bebas yang digunakan adalah signifikan.

Hubungan antara pemboleh ubah kecairan dengan  $dp_{it}$  menunjukkan hubungan positif yang signifikan isitu berhubung secara lansung. Dimana ia bermaksud, semakin tinggi bank peningkatan deposit daripada pelanggan yang bank terima, semakin tinggi bank akan menguruskan kecairan dengan meningkatkan jumlah pembiayaan. Kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rifki Ismal (2010). Manakala bagi pemboleh ubah  $car_{it}$ , hasil kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan positive yang signifikan iaitu ia berhubung secara lansung. Nisbah kecukupan modal adalah digunakan untuk mengukur nilai modal dalam sesebuah perbankan bagi melihat bank tersebut berada dalam situasi muflis atau sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan bank akan mengurangkan mengurangkan kecairan mereka dengan meningkatkan jumlah pembiayaan apabila modal di bank meningkat.

Bagi hubungan antara  $SIZE_{it}$  dan kecairan, hasil menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara keduanya. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Naved Ahmad et. al, 2011. Naved Ahmad menyatakan bahawa jumlah aset bank yang besar menunjukkan bank tersebut berkemampuan untuk mewujudkan suatu pasaran saham yang besar dan juga mengambil risiko-risiko yang besar seperti memberikan pembiayaan yang mempunyai tahap risiko yang tinggi untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi. Begitu juga dengan pemboleh ubah  $ROA_{it}$ . Terdapat hubungan positif yang signifikan antara keduanya. Ia menunjukkan, jika sesuatu pulangan keatas keuntungan daripada aktiviti pembiayaan bank tinggi, maka bank akan meningkatkan jumlah pembiayaan mereka.

Seterusnya bagi pemboleh ubah mekroekonomi, bagi pemboleh ubah  $GDP_{it}$  menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keduanya. Ia menunjukkan perbank Islam menyediakan kecairan bersifat pro kitaran, iaitu apabila pertumbuhan ekonomi menggalakkan ia memberikan prospek perniagaan yang baik kepada bank dan bank boleh menjana pendapatan yang tinggi. pertambahan dalam pendapatan pembiayaan adalah disokong dengan risiko kemungkiran yang rendah yang akan menyebabkan keuntungan bank bertambah. Oleh itu, peningkatan dalam faktor makroekonomi mampu menjana keuntungan bank. Maka bank akan mengadakan kecairan pembiayaan apabila ekonomi ekonomi dalam keadaan baik.

### KESIMPULAN

Daripada hasil kajian yang diperolehi, didapati bank lebih menggemari untuk menguruskan kecairan merreka dengan meningkatkan jumlah pembiayaan untuk memperolehi keuntungan, hasil daripada



regrei pemboleh ubah saiz bank menunjukkan perlunya perbank Islam untuk menguruskan aset mereka dan meningkatkan jumlah modal untuk menghadapi sebarang risiko seperti risiko kecairan dan risiko kemungkiran yang bakal berlaku. Simpanan yang mencukupi adalah amat penting bagi persediaan bank untuk menghadapi situasi kecemasan yang tidak menentu, seperti mana didalam surah Yusuf ayat 42 hingga 48 yang mengajar manusia untuk berjaga-jaga dan juga perlu mempunyai simpanan serta berjimat cermat untuk menghadapi pelbagai situasi ekonomi yang tidak dijangka.

Dalam aspek memmberikan pembiayaan pula, bank Islam seharusnya memilih waktu yang sesuai dengan persekitaran ekonomi dalam mengeluarkan pembiayaan mereka. Dalam keadaan ekonomi ekonomi tidak menentu, bank seharusnya mengurangkan pembiayaan berprofil tinggi atau risiko yang tinggi untuk mengelakkan bank Islam menghadapi sebarang risiko seperti risiko kecairan dan kemungkiran. Selain itu, walaupun perbankan Islam rancak dalam mengejar keuntungan, akan tetapi kecairan untuk pendeposit juga perlu mencukupi. Kekurangan dalam deposit permintaan akan menyebabkan orang ramai akan hilang keyakinan terhadap operasi perbank Islam. Ketidakstabilan dalam pengurusan kecairan akan menyebabkan aktiviti pembiayaan perbank Islam terjejas. Daripada kajina yang telah dilakukan, terdapat beberapa cadangan pembaikan bagi pengkaji-pengkaji akan datang. Antaranya adalah dengan menambah pemboleh ubah kajian, mengkaji hubungan kecairan dengan persekitaran ekonmi dengan mendalam, menambah lagi pemboleh ubah dasar kewangan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat dalam menguruskan kecairan bank agar ilmu yang dikaji dapat dimanfaatkan bersama-sama.

## RUJUKAN

- Chung Hua Shen et all. (2009), Bank Liquidity Risk and Performance.
- Douglas W. Diamond dan Raghuram G. Rajan, (2001). Liquidity Risk, Liquidity Creation, and Financial Fragility: A Theory of Banking. *Journal of Political Economy*.
- Elena Loutschina, (2011). The Role of Securitization in Bank Liquidity and Fund Management. *Journal of Financial Economics*. 100 (2011) 663–684
- Falko Fect, Kjell G. Nyborg dan Jorg Rocholl, (2011). The Price of Liquidity: The Effects of Market Conditions and Bank Characteristics. *Journal of Financial Economics*.
- Huberto M. Ennes dan Todd Keister. (2003) Economic growth, liquidity, and bank runs. *Journal of Economic Theory*.
- Ibrahim. M. et. Al.(2010), Islamic Liquidity Management- the Malaysian Experience, *ISRA Journal of Islamic Finance*, Issue 2.
- Imola Driga, (2009) Liquidity risk management in banking, *The Young Economists Journal*
- Iqbal, A. (2012) Liquidity Risk Management: A Comparative Study between Conventional and Islamic Banks of Pakistan, *Global Journal of Management and Business Research*, Volume 12 Issue 5
- Ismal, R. (2010). Assessment of liquidity management in Islamic banking industry, *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* , 147-167.
- Ismal, R. (2010). Strengthening and improving the liquidity management in Islamic banking. *Humanomics* , 18-35.
- Lev Ratnovaski (2012), Liquidity and Transparensy in Bank Risk Management, *Journal Finance Intermediation*, 1-18
- M. F. Akhtar, K.r Ali, S. Sadaqat(2011), Liquidity Risk Management: A comparative study between Conventional and Islamic Banks of Pakistan, *Interdisciplinary Journal of Research in Business* .Vol. 1, Issue. 1, January 2011(pp.35-44)
- Muhammad Lukman Samsudin (2012), Pengurusan Kecairan Berdasarkan Aset dan Liabiliti, *Persidangan Ekonomi Malaysia ke VII*, Jilid 2, 891-905
- Staffan Ringbom (2004), Optimal Liquidity Management and Bailout in the Banking Industry, *Journal of Banking and Finance*, 1319-1335
- Wolf Wagner, (2007a), The liquidity of bank assets and banking stability, *Journal of Banking & finance*, 121-139
- Wolf Wagner, (2007b), Aggregate liquidity shortages, idiosyncratic liquidity smootheing and banking regulation. *Journal of Financial Stability*, 18-32

## LAMPIRAN

JADUAL 1: Statistik Diskriptif Pemboleh ubah

	TF	DP	CAR	SIZE	ROA	GDP
Mean	13.9093	0.25618	0.09414	14.8407	0.0076	9.9423
Median	14.4928	0.26373	0.07376	15.1772	0.0084	7.2237
Std. Dev.	2.6106	0.18076	0.0804	2.10376	0.02568	23.8063
Skewness	-1.9048	0.07277	4.2065	-0.31595	-8.1913	1.5927
Kurtosis	10.6704	2.0053	30.3017	5.0862	95.8189	6.9494
Jarque-Bera	565.3915*	8.1263*	4998.990*	38.2091*	72550.55*	254.2195*

\*Signifikan pada 1%

\*\*Signifikan pada 5%

\*\*\*Signifikan pada 10%

JADUAL 2: Analisis Korelasi Pemboleh ubah

	TF	DP	CAR	SIZE	ROA	GDP
TF	1.0000					
DP	0.4197*	1.0000				
CAR	-0.2106*	-0.2011*	1.0000			
SIZE	0.9149*	0.2656*	-0.1276***	1.0000		
ROA	0.2191*	0.1605*	-0.5974*	0.0533	1.0000	
GDP	0.1776*	0.2196*	0.0203	0.1411***	0.0463	1.0000

\*Signifikan pada 1%

\*\*Signifikan pada 5%

\*\*\*Signifikan pada 10%

JADUAL 3: Ujian Spesifikasi dan Diagnostik (keputusan penentuan model terbaik)

	Statistic	Stat	Prob
Ujian Redundant kesan tetap			
Cross Section F	F	4.3028	0.0000
Cross Section Chi-Square	$\chi^2$	64.3871	0.0000
Ujian Hausman			
Cross Section random	$\chi^2$	26.6788	0.0000

JADUAL 4: Keputusan Penganggaran Model Terbaik (Model Kesan Rawak)

Spesifikasi	Parameter Penganggar
$Tf_{it}$	5.4294*
$dp_{it}$	1.0742*
$car_{it}$	1.6240***
$SIZE_{it}$	1.2579*
$ROA_{it}$	10.0534*
$GDP_{it}$	0.0001***
Durbin-Watson test	1.6180
$R^2$	0.9316